

10 NOV 2000

Mahathir-Sungai

GOLONGAN MENGOTORI SUNGAI TIDAK SAYANGKAN PUSAKA -- PM

ALOR SETAR, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka yang mengotori sungai merupakan golongan yang tidak sayangkan pusaka yang dikurniakan oleh Tuhan.

"Sungai kotor kerana manusia tidak sayangkan pusaka yang dikurniakan," kata Perdana Menteri.

Keadaan dahulu tidak teruk kerana barangan buangan boleh reput dan hancur tetapi sekarang ada barangan buangan yang tidak boleh reput seperti plastik, katanya ketika melancarkan Kempen Cintailah Sungai Kita peringkat kebangsaan di Ampang Jajar hari ini.

Kerajaan berharap masyarakat dapat menunjukkan tamadun yang tinggi dengan memelihara sungai supaya sentiasa bersih.

Sungai, katanya, penting sebagai sumber air minuman, pertanian, pengangkutan dan pelancongan.

"Kita hendaklah jaga sungai macam kekasih kita. Jaga sungai biar nampak cantik," katanya.

Malangnya masyarakat membuang segala benda termasuk peti sejuk buruk, kereta buruk dan juga mayat ke dalam sungai, kata beliau.

Dahulu, katanya, masyarakat menyayangi sungai kerana ia merupakan sumber air dan pengangkutan penting tetapi sekarang mereka kurang menghargai sungai setelah terdapat alternatif pengangkutan lain.

Masyarakat perlu menghargai sungai kerana ia membawa banyak nikmat kepada mereka seperti keperluan air minuman, pengairan pertanian dan sebagai daya tarikan pelancong, katanya.

"Sungai adalah punca kehidupan kita. Kita kena jaga supaya bekalan air cukup, di samping itu sungai mempunyai banyak peluang untuk dijadikan tarikan pelancong," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain tiba di majlis itu dengan menaiki bot "Bahtera Perdana" dari Tanjong Chali di sini.

Bahtera Perdana yang belayar kira-kira 10 minit melalui Sungai Kedah itu turut diiringi oleh 50 bot lagi.

Kempen Cintailah Sungai Kita dijalankan sejak 1993 dan tumpuan kempen itu kali ini adalah untuk mendapatkan akuan sokongan ikrar daripada jabatan kerajaan, badan korporat, JKKK, pertubuhan bukan kerajaan dan sekolah untuk memelihara sungai.

Sebanyak 450 akuan sokongan diterima daripada mereka untuk menjayakan program melanskap sungai, menaja program perangkap sampah, program pembersihan sisa air dan program sungai angkat.

-- BERNAMA

JM MAN ZZ NMO